



SOHBAH OLEH HADRAT SHEIKH MUHAMMAD MEHMET ADIL AL- HAQQANI

EGYPT MESIR

*Assalamu Alaykum wa Rahmatullah wa Barakatuh,
Auzu Billahi Minashaytanir Rajeem. Bismillahir Rahmanir Raheem,
Wassalatu Wassalamu ala Rasulina Muhammadin Sayyidul Anwalin wal Akbirin,
Madad Ya Rasulallah, Madad Ya As'habi RasuLillah, Madad Ya Mashayikhina,
Sheykh Abdullah Daghestani, Sheykh Nazim al-Haqqani. Dastur.
Tariqatunas sohba, wal khayru fil jamiyya.*

Malam ini dengan izin Allah ﷺ bulan Rabi'ul Awwal bermula. Moga Allah merahmati nya dengan kebaikan. Moga himmah (sokongan), barakah dan syafaat Junjungan kita Rasulullah ﷺ di rahmati atas kita semua InsyaAllah.

Sesiapa yang menuju ke perjalanan Rasulullah ﷺ akan mencapai kebahagiaan. Walaupun mereka orang miskin, orang sakit, atau orang yang tidak mempunyai apa apa kelengkapan. Mereka tetap bergembira. Allah ﷻ melimpahi ke atas Baginda Rasulullah ﷺ berbagai barakah, kerahmatan, inayat (bantuan, pertolongan) dan nazar (pandangan kasih sayang)

Syukur Alhamdulillah, tiga atau empat hari lepas kami menziarahi Mesir. Mesir adalah sebuah negara yang suci. Kita saksi bahawa Allah ﷻ merahmati negara itu dengan tempat tempat yang cukup indah kerana rakyat nya mengikuti perjalanan Rasulullah ﷺ. Rakyat nya adalah antara umat nya dan menganuti Islam sebagai agama nya. Syukur Alhamdulillah. Tetapi orang tidak menyedari hakikat ini. Mereka tidak lihat perkara kebaikan tetapi mereka mengejar perkara yang tidak baik.

Junjungan kita Rasulullah ﷺ bersabda dengan maksud nya; Kamu harus menganjurkan kebaikan dan mencegah kejahatan.

{ "Dari Hudzaifah RA berkata, 'Rasulullah ﷺ bersabda, 'Demi Allah yang jiwaku ada dalam genggamannya, kamu harus menganjurkan kebaikan dan mencegah dari kejahatan, atau jika tidak Allah akan menurunkan siksa kepadamu kemudian doamu tidak dikabulkan.' (HR at-Tirmidzi) }

Tetapi pada masa akhir zaman ini, perkara sebalik nya berlaku. Orang menganjur kejahatan dan mencegah kebaikan

Apa yang di maksud dengan kejahatan bukan hanya bermakna perkara haram sahaja. Menganjurkan kebaikan bukan hanya bermakna beribadah sahaja. Perkara



SOHBAH OLEH HADRAT SHEIKH MUHAMMAD MEHMET ADIL AL- HAQQANI

kebaikan : Semua perkara yang indah dan cantik adalah kebaikan. Allah ﷻ berfirman “Makanlah makanan yang halal lagi baik” {Surah Al Maidah 88}. Jangan buat perkara yang jahat bukan hanya bermaksud perkara maksiat tetapi perkara yang tidak mendatangkan faedah. Allah mengajar kebaikan dan memerintah semua perkara perkara yang indah.

Mawlana Shaykh Nazim QAS tidak suka konkrit. Kata nya konkrit itu perkara yang buruk. Konkrit berasal dari idealisma Komunis. Islam menganjurkan kebaikan. Konkrit ini hanya suatu perumpamaan sahaja. Allah ﷻ memberi semua kebaikan dan keindahan kepada umat Muhammad ﷺ. Allah ﷻ memberi banyak perkara yang indah dan cantik kepada orang orang Islam, tetapi mereka tidak menghargai nya .

Anda akan lihat kebanyakan orang yang menetap di timur Turkey akan tinggalkannya dan pergi ke Istanbul, kerana cuaca nya terlalu sejuk dan dingin. Tetapi kali ini mereka mengembara ke Europe walaupun tempat itu 5 kali lebih sejuk dari Istanbul. Mereka tidak hiraukan kesejukan di sana dan mereka suka dan tertarik ke sana. Nyatalah di sini orang orang Islam dalam kebingungan kerana Iman mereka belum mantap.

Berkenaan dengan Mesir al Muqaddas (Misr Yang Suci) mereka menyambut nya dengan berkata “Nil Mubarak”. Misr adalah sebuah negara yang terkaya di dunia pada zaman Ottoman. Khazanah Mesir amat terkenal. Mesir Al Mubarak memberi sumbangan kepada Ottoman. Selepas British menjajah dan mengusir Ottoman. Kerajaan British menyebarkan fitna dan korupsi di Mesir dan memecah belahkan umat Islam. Selepas Jajahan British, datang lah Komunis Rusia dan rakyat Mesir mengalami hidup penuh dengan kesengsaraan dan dalam kemiskinan. Rakyat Mesir dizalimi hingga beberapa tahun. Hidup mereka hanya selesai bila rakyat nya menganuti agama Islam. Tetapi syaithan tidak duduk diam dan dia menghantar askar askar nya untuk menghuru harakan dan meluaskan korupsi mereka di negara itu.

Mesir adalah tempat yang suci. Banyak awliya dan maqam ribuan para sahabat terletak disana. Maqam Sayyidul ashabi dan syuhada, Hadrat Husayn (Karramallahu Wajhahu) ada di sana. Maqam Sayidinaa Husayn inilah yang membawa barakah kepada Mesir. Cucu Baginda Rasulullah ﷺ, Sayyidina Hadrat Zainab (RA) ada di sana. Ada puluhan ribu sahabat di maqam disana.

Maqam di sana juga banyak para awliya. Termasuk Hadrat Ahmad Badawi, Hadrat Ibrahim ad-Dasuqi, Hadrat Imam Shazali (RA). Banyak maqam di sana. Maqam yang lama kerana Islam datang di Mesir pada zaman Khulafah Rashidin. Mesir adalah



SOHBAH OLEH HADRAT SHEIKH MUHAMMAD MEHMET ADIL AL- HAQQANI

tempat di mana banyak ulama di lahirkan demi untuk dunia Islam dan melindungi prinsip prinsip Islam. Sepertimana kami menyatakan Mesir adalah negara yang indah. Moga Allah memberi mereka dan semua orang pancuran cahaya di hati mereka.

Marilah kita bersyukur kepada Allah ﷻ yang menganugerah kepada kita tempat tempat yang indah. Lebih penting dari itu Allah ﷻ memberi kita keimanan dan memuliakan kita dengan Islam. Tetapi orang takut kepada Islam. Mereka ditipu dengan syaithan dan kunci kunci nya. Walaupun Allah ﷻ memberi mereka akal untuk berfikir dan menyelidik, Syaithan tidak izinkan nya dan terus meracuni fikiran mereka.

Mawlana Sheikh Nazim (QS) selalu bershalat syukur setiap hari. Kita harus bershalat syukur kerana kita dilahir dalam keluarga Islam. Begitu juga mereka yang ditakdir oleh Allah ﷻ untuk menjadi seorang Muslim. Syukur Alhamdulillah.

Moga Allah ﷻ menghantar dunia Islam seorang pemimpin Islam, InsyaAllah. Allah Maha Berkuasa atas segala gala nya. InsyaAllah kita sendang menunggu kedatangan nya. Semua tanda tanda akhir zaman telah tiba, InsyaAllah Mahdi Alayhis Salam juga akan muncul. Dia akan menghimpun Islam lagi, InsyaAllah. Sebelum kedatangan nya , moga Allah ﷻ lindungi Islam dan orang orang mukmin, InsyaAllah.

Wa Minallah at-Tawfeeq.

Al-Fatiha.

Hadrat Shaykh Muhammad Mehmet Adil

11 December 2015, Akbaba Dargah, Sabah Namaz